

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HLP 211 Asas-Asas Penulisan Skrip

Masa: [2 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Di dalam proses penulisan skrip, nyatakan ciri-ciri utama yang harus diambilkira sebelum sesuatu idea benih itu menjadi sebuah draf terakhir.
2. Sesebuah drama haruslah menarik. Salah satu kaedah untuk menimbulkan daya tarikan ialah menampilkan konflik. Berdasarkan drama-drama SI BONGKOK TANJUNG PUTERI, ASY SYURA dan MAYAT, nyata dan huraikan jenis-jenis konflik yang tersirat di dalamnya.
3. Dialog ditulis bukan sahaja untuk pembaca, penonton malah untuk pelakon. Kualiti-kualiti dialog yang baik untuk pelakon ialah mudah faham, mudah hafal dan mudah ucap. Terangkan maksud kualiti tersebut dan bagaimana kualiti-kualiti dialog itu dapat dilaksanakan.
4. Tema untuk skrip drama anda ialah membenteras penyalahgunaan kuasa di dalam sebuah koperasi. Berdasarkan tema tersebut apakah perkara-perkara utama yang harus anda sertakan di dalam senario kasar anda.
5. Seorang ibu (janda) tidak senang dan menegur anak perempuannya (remaja) yang suka berpoya-poya sehingga menjejaskan persekolahannya. Anak perempuannya berbuat demikian kerana bermotifkan tertentu. Berdasarkan situasi ini, turunkan dialog-dialog di antara ibu dan anak mengenai peristiwa itu. Panjang adegan itu lebih kurang 10 minit.

.../2

6. Perkara-prkara berikut ada kaitannya dengan penulisan skrip. Pilih empat (4) daripadanya dan jelaskan:

- [a] "french scene"
- [b] katastrofi
- [c] set
- [d] arahan pentas
- [e] peralatan (props)

-ooo000ooo-